

28 OCT 2000

DUA LAPORAN POLIS TERHADAP EZAM

ALOR SETAR, 28 Okt (Bernama) -- Dua laporan polis telah dibuat terhadap Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohamed Noor berikutan kenyataan beliau yang mengaku memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah ACP Abdul Jalal Mohamed Yunus berkata laporan di tempat berasingan itu mengandungi maksud serupa iaitu meminta polis menjalankan siasatan terhadap kenyataan berkenaan.

Satu daripada laporan itu dibuat di Ibupejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar semalam oleh seorang ketua cawangan Umno dalam bahagian Kuala Kedah.

Seorang lagi ialah anggota cawangan Umno Changkat Beruas, Perak yang membuat laporan di Balai Polis (IPD) Dang Wangi, Kuala Lumpur, semalam, katanya.

"Berikutan laporan itu kita telah membuka kertas siasatan dan akan memanggil saksi-saksi yang berkenaan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Akhbar Utusan Malaysia pada Rabu lepas melaporkan bahawa Ezam mengaku pada satu perhimpunan anjuran PAS dan Keadilan di Batu Tiga, Tandop dekat sini, bahawa beliau terlibat dalam gerakan memburukkan Dr Mahathir di Amerika Syarikat dan Eropah.

Laporan akhbar akhir-akhir ini melaporkan mengenai banyak pihak yang membidas tindakan memburuk-burukkan pemimpin dan negara di luar negeri termasuk usaha mengenakan tekanan ekonomi ke atas Malaysia.

Khamis lepas, akhbar Straits Times Singapura melaporkan bahawa para penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengupah sebuah firma perunding di Amerika Syarikat untuk membantu merancang strategi mengenakan tekanan ekonomi ke atas Malaysia.

-- BERNAMA

MZM AZZ RON